

UEM Edgenta Catat Pendapatan RM1.0 Bilion pada Separuh Pertama

- **Rumusan keputusan kewangan separuh pertama TK2021**
 - **Pendapatan sebanyak RM1.0 bilion**
 - **Keuntungan bersih sebanyak RM14.4 juta**
 - **Kedudukan tunai bersih sebanyak RM118.4 juta**
 - **Kedudukan baki tunai dan bank sebanyak RM541.0 juta**
 - **Nisbah gearan kasar sebanyak 0.3 kali**
- **Orderbook** semasa sebanyak RM11.6 bilion dengan kontrak baharu diperolehi sebanyak RM720 juta pada TK2021.

KUALA LUMPUR, 26 Ogos - UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta" atau "Syarikat"), syarikat Penyelesaian Pengurusan Aset dan Infrastruktur terkemuka di rantau ini mengumumkan keputusan kewangan yang belum diaudit bagi tempoh berakhir 30 Jun 2021 ("separuh pertama TK2021") di sini hari ini.

Syarikat mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM14.4 juta dengan pendapatan sebanyak RM1.0 bilion pada separuh pertama TK2021, berbanding kerugian bersih dan pendapatan masing-masing sebanyak RM15.2 juta dan RM950.3 juta bagi tempoh yang sama untuk TK2020. Keuntungan bersih yang dinormalisasi Syarikat untuk separuh pertama TK2021 adalah sebanyak RM16.7 juta berbanding RM34.8 juta pada tempoh yang sama untuk TK2020. Manakala, keuntungan sebelum cukai ("PBT") adalah sebanyak RM29.6 juta pada separuh pertama TK2021 berbanding RM 4.0 juta pada tempoh yang sama untuk TK2020.

Syarikat mencatatkan peningkatan pendapatan bagi tempoh suku kedua TK2021 berbanding suku sebelumnya kepada RM538.6 juta, iaitu peningkatan sebanyak 11.4% daripada RM483.6 juta pada suku pertama TK2021. Keuntungan bersih bagi tempoh berkenaan susut sebanyak 22.4% daripada RM8.1 juta kepada RM6.3 juta.

Pertumbuhan pendapatan bagi kedua-dua tahun dan prestasi kewangan suku-ke-suku adalah bukti usaha Syarikat berhemat dan berdaya tahan sebagai asas perniagaan menerusi kepelbagaian portfolio serta operasi serantaunya. Sehingga 30 Jun 2021, kunci kira-kira UEM Edgenta kekal kukuh dengan mengekalkan nisbah gearan yang rendah pada 0.3 kali.

Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutifnya, Syahrudin Samsudin berkata, "UEM Edgenta kekal berdaya tahan pada separuh pertama tahun ini dengan menunaikan janji-janji kami kepada pelanggan meskipun berdepan persekitaran operasi yang mencabar. Penambahan kontrak di seluruh perniagaan kami hingga kini berjumlah RM720 juta, mencerminkan usaha berterusan kami untuk memperkukuh kehadiran kami di pasaran teras dan baharu serta memperluaskan perkhidmatan dan penyelesaian kami. Kami juga berada di landasan yang tepat dengan pelan transformasi kami sebagai sebahagian daripada visi Edgenta of the Future 2025 dengan pelancaran platform ekosistem digital pertama kami, Edgenta NXT, serta QuickMed, penyelesaian penjagaan kesihatan digital pertama berasaskan awan."

QuickMed adalah nadi penggerak utama Pusat Penilaian COVID-19 ("CAC") Swasta pertama di negara ini, dilengkapi dengan makmal mudah alih Polymerase Chain Reaction, serta Sistem Pemantauan Kuarantin di Rumah ("HQMS") melalui penggunaan RFID *e-bracelets* yang akan membolehkan pemantauan berterusan selama 24 jam sehari untuk pesakit COVID-19.

Syahrudin juga menekankan bahawa Syarikat akan terus memberi tumpuan kepada pengurusan kos dan mengekalkan aliran tunai berhemat untuk mengekalkan daya tahan perniagaan di samping terus meneroka peluang dan pelaburan yang berpotensi dalam perniagaan terpilih.

Dalam menyokong usaha memerangi pandemik COVID-19 yang sedang melanda, UEM Edgenta terus memberikan perkhidmatan sokongan penjagaan kesihatan kepada semua hospital awam dan swasta di bawah jagaannya di seluruh rantau ini. Dalam pada usaha kerajaan untuk meningkatkan kadar vaksinasinya, UEM Edgenta juga turut menyokong usaha penilaian COVID-19 kerajaan melalui penubuhan CAC Swasta yang ditempatkan di UEM Edgenta Learning Centre di Petaling Jaya dan dikelolakan menerusi QuickMed. Di samping itu, HQMS juga digunakan untuk menguruskan ketibaan pelancong antarabangsa di negara ini yang dikehendaki menjalani perintah kuarantin, sama ada di rumah atau di mana-mana lokasi yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selain akan digunakan untuk pesakit positif COVID-19 bagi Kategori 1 dan 2.

Selain daripada memberikan perkhidmatan sokongan penjagaan kesihatan yang penting, UEM Edgenta, bersama-sama dengan KKM, telah membangunkan Unit Rawatan Rapi di Lapangan Hibrid, iaitu unit ICU bergerak yang lengkap dengan tenaga sendiri, oksigen dan bekalan air untuk kegunaan di lapan hospital, termasuk Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor.

Untuk maklumat lanjut, sila lawati www.uemedgenta.com dan www.edgentanxt.com.

-Ends-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuah raya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Sejajar dengan visi 'Edgenta of the Future 2025', perkhidmatan UEM Edgenta yang menyeluruh adalah didorong oleh kepakaran teknologi merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai pemangkin ke arah Syarikat Penyelesaian yang dipacukan oleh Teknologi dengan tumpuan pada perkhidmatan kesihatan menjelang tahun 2025.

UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.